

# Sidang Kemuncak Universiti Islam Dunia esok

**SEREMBAN 27 Sept.** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) akan mengadakan Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia 2015 (WICULS) di Putrajaya, 29 dan 30 September ini.

Pengarah Pusat Antarabangsa USIM Alamiyyah, Prof Dr. Roshada Hashim berkata, sidang kemuncak yang julung kali diadakan itu mengangkat tema *Re-writing the Narrative: Higher Education for the 21st Century* dan bakal menghimpunkan lebih 200 pemimpin tertinggi universiti dari negara Islam seluruh dunia.

"Pemimpin universiti seperti dari Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, Sudan, Nigeria dan Jordan akan membincangkan isu utama berkaitan sistem pendidikan tinggi.

"Program tersebut adalah usaha membangunkan naratif pendidikan baharu bagi mendepani cabaran pengajian tinggi global," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Roshada, pemimpin universiti Islam perlu mengkaji semula hala tuju dan fungsi universiti masing-masing dengan mengambil konteks keperluan pendidikan bagi umat Islam, sejajar dengan pemahaman falsafah pendidikan Islam dan moden.

Ujarnya, ini merupakan masa terbaik bagi para pemimpin universiti di negara Islam berkumpul dan berbincang mengenai landskap pendidikan tinggi dunia yang berkembang dengan cukup pesat.

"WICULS 2015 bakal memberi penekanan kepada tiga tonggak utama iaitu kepentingan akses dan ekuiti dalam pendidikan, perkaitan budaya dan etika, serta kelestarian pendidikan bagi universiti Islam dan ummah di seluruh dunia.

"Selain itu, universiti di negara Islam juga perlu memainkan peranan lebih dinamik dan proaktif bukan sahaja dalam penawaran pendidikan, malah membawa keamananan bagi masyarakat Islam dunia," katanya.

Dalam pada itu, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan bagi menyampaikan ucapan pada 29 September ini dengan tajuk *Reclaiming Education in Muslim Universities for the 21st Century*.

WICULS 2015 bakal menyaksikan 12 ikon kepimpinan terkemuka negara dan dunia berkongsi idea bagi membincangkan isu dan cabaran dalam sistem pendidikan tinggi moden.

Mereka termasuk Felo Utama USIM merangkap Presiden Persatuan Universiti Antarabangsa (IAU), Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak; Felo Akademik di University of Cambridge, Ahmed Keeler dan Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Nigeria, Prof. Ishaq Oledeye.